



Pendidikan Orang Asli: Ke Arah Lonjakan Kecemerlangan

Zainal Abidin Ali, Asnarulkhadi Abu Samah, Hanina Halimatusaadih Hamsan & Azlina Mohd Khir
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020
e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Keperihatinan pihak kerajaan untuk membawa perubahan dan kemajuan terhadap komuniti Orang Asli dalam pendidikan telah bermula sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi dengan penubuhan The William Hunt Aboriginal Memorial School di Batu 3, Jalan Cameron Highlands pada tahun 1953. Kini setelah 65 tahun berlalu, pendidikan Orang Asli masih lagi menjadi isu dan perdebatan hangat dalam kalangan para sarjana khususnya hal yang berkaitan dengan keciciran dan pencapaian prestasi pelajar. Walau pun perkembangan dan pencapaiannya dewasa ini boleh dikatakan cukup memberansangkan, namun jika dibandingkan secara keseluruhan dengan masyarakat lain di negara ini, pendidikan komuniti Orang Asli masih lagi terkebelakang. Kertas ini akan membincang pencapaian terkini pendidikan pelajar komuniti Orang Asli dari peringkat pra sekolah hingga ke peringkat tertiar. Perbincangan ini adalah berdasarkan kajian penulis yang menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik analisis dokumen. Dapatan kajian ini menunjukkan pendidikan komuniti Orang Asli telah membawa kepada satu perubahan sosial yang amat drastik terhadap perubahan kualiti hidup mereka yang sejahtera.

Kata Kunci : Pendidikan Orang Asli, Transformasi, Perubahan Sosial, Kualiti Hidup

Pengenalan

Sejarah pendidikan formal Orang Asli bermula sejak tahun 1953 dengan penubuhan The William Hunt Aboriginal Memorial School di Batu 3, Jalan Cameron Highlands. Penubuhan sekolah ini didirikan bersama dengan penempatan semula Orang Asli di kawasan pedalaman ketika itu. Tujuan penubuhan sekolah ini adalah membolehkan anak-anak Orang Asli membaca dan mengira di samping memenangi hati mereka daripada pengaruh gerakan komunis yang menentang kerajaan ketika itu (Zainal Abidin, 2012).

Namun begitu, kepentingan komuniti Orang Asli terhadap pendidikan pada peringkat awal amatlah mengecewakan. Kebanyakan ibu bapa menganggap sekolah hanyalah tempat untuk bermain dan juga makan (Mohd Muizzuddin Mohd Nor et al., (2018). Walau bagaimanapun, kesedaran ibu bapa komuniti Orang Asli mula timbul apabila perubahan sosial dalam kalangan mereka berlaku setelah melihat masyarakat luar memberi perhatian dan minat yang tinggi terhadap pendidikan (Mohamad Johdi et al., 2009).

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan komuniti Orang Asli dapat dimasukkan dalam arus pendidikan (Norwaliza et al., (2016). Ini kerana, ketika kaum lain sudah mula bergerak maju ke hadapan dan meneroka bidang-bidang lain dalam pendidikan, komuniti Orang Asli masih lagi terbeban dengan masalah keciciran dan prestasi yang kurang memberansangkan (Mohd Muizzuddin Mohd Nor et al., (2018). Sehubungan itu, pelbagai inisiatif seperti dasar, kurikulum khas, pelan tindakan dan strategi telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memajukan pendidikan Orang Asli. Antaranya pengenalan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli (PPTPPMOA) untuk 10 tahun dari tahun 2001 hingga 2010 (JAKOA, 2010), Kurikulum Bersepadu Orang Asli Penan (KAP) pada tahun 2007, Kelas Dewasa Asli Penan (KEDAP) pada tahun 2008, Pelan 5 Tahun Transformasi Pendidikan Orang Asli 2013-2018 (KPM, 2013). Hakikatnya semua inisiatif ini diwujudkan adalah untuk meningkatkan tahap pendidikan komuniti Orang Asli (KPM, 2013). Menurut Mohd Muizzuddin Mohd Nor et al., (2018) penguasaan dan peluang pendidikan yang disediakan kepada pelajar Orang Asli adalah faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang lebih baik.

Sorotan Literatur

Terdapat pelbagai kajian telah dilakukan oleh para sarjana tempatan mengenai pendidikan Orang Asli. Berdasarkan laporan Hitam Ali Walam (1995) dan kajian Hasan Mat Nor (1996) halangan utama bagi perkembangan positif pendidikan Orang Asli ialah kesedaran ibu bapa dan sikap anak-anak Orang Asli (Juli Edo, 2012). Ibu bapa Orang Asli masih terikat dengan budaya lama yang dikenali sebagai “konsangan” atau hukum anak-anak iaitu ibu bapa tidak boleh menghukum anak-anak dalam mempelajari sesuatu kemahiran. Selain itu laporan ini turut menyatakan sekolah dan guru-guru yang mengajar turut menjadi faktor penghalang kepada kemajuan pendidikan Orang Asli. Manakala sikap malas, tidak minat dan kurang jelas mengenai matlamat hidup merupakan faktor daripada anak-anak Orang Asli.

Hasan Mat Nor (1998) berpendapat faktor keyakinan diri Orang Asli yang rendah dan sikap sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran merupakan halangan utama pembangunan pendidikan Orang Asli. SUHAKAM (2010) dalam Laporan Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli 2010 pula menjelaskan faktor kekurangan kemudahan seperti pengangkutan ke sekolah bagi pelajar yang tinggal jauh pedalaman menyebabkan kanak-kanak Orang Asli sukar untuk ke sekolah.

Kajian Sharifah Md Nor et al., (2011) mendapati keciciran pelajar Orang Asli tidak menyambung pelajaran mereka di peringkat sekolah menengah disebabkan pencapaian di tahap yang rendah, kurang sokongan motivasi daripada ibu bapa serta kekurangan kemudahan. Juli Edo (2012) turut mengatakan penyebab utama pendidikan Orang Asli dibelenggu keciciran adalah latar belakang sosioekonomi keluarga.

Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) pula menyatakan faktor ekonomi seperti masalah kemiskinan, geofizikal penempatan yang jauh dipedalaman, dan budaya komuniti Orang Asli merupakan halangan utama komuniti Orang Asli mendapat pendidikan yang berkualiti. Manakala menurut Azlina Mohd Khir dan Ma'rof Redzuan (2013), empat faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan dalam kalangan komuniti Orang Asli ialah faktor diri, sokongan, ekonomi dan fatalistik.

Pengenalan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli (PPTPPMOA) untuk 10 tahun dari tahun 2001 hingga 2010 telah melonjakkan lagi prestasi pembangunan pendidikan Orang Asli (Zainal Abidin 2012). Hakikat ini dibuktikan oleh kajian Wan Hafizi Shaharuddin dan Noraziah (2014), yang mendapati bantuan serta pelbagai program sokongan pendidikan telah meningkatkan pencapaian pelajar Orang Asli dalam pendidikan walaupun

peningkatan yang ditunjukkan adalah amat sedikit. Menurut Zainal Abidin (2012) PTPPMOA juga berjaya melepasi enam matlamat utamanya iaitu;

- i. sekurang-kurang 50% kanak-kanak Orang Asli berada dalam taska dan tadika berbanding 15% pada 2000
- ii. 100% kanak-kanak Orang Asli berada dalam sistem persekolahan rendah
- iii. kadar keciciran diperingkat sekolah rendah di tahap minima (5%) berbanding 22% pada tahun 2000
- iv. kadar keciciran pelajar tahun satu yang meneruskan persekolahan ke tingkatan lima menurun 40% berbanding 81%
- v. sekurang-kurangnya 50 orang anak Orang Asli berjaya keluar dari institut pengajian tinggi (IPT) setiap tahun berbanding yang masuk seramai 23 orang tahun 2000.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik analisis dokumen. Pelbagai dokumen berkaitan dengan dasar, pelan tindakan, prestasi pencapaian, data-data pendidikan, laporan, rekod, artikel dan kajian-kajian mengenai pendidikan Orang Asli daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Pendidikan Malaysia, para sarjana dianalisis dan diubahsuai dalam bentuk jadual dan laporan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pelajar Pra Sekolah

Kajian ini mendapati peluang pendidikan untuk pelajar Orang Asli pra sekolah masih lagi tidak menyeluruh khususnya pembukaan dan pendidikan kelas TABIKA. Kelas TABIKA ini menyediakan perkhidmatan pendidikan pra sekolah kepada kanak-kanak Orang Asli yang berumur 5 dan 6 tahun. Sehingga akhir tahun 2018, hanya terdapat 279 buah kelas TABIKA yang dibuka iaitu 32.71% sahaja berbanding dengan jumlah keseluruhan 853 perkampungan Orang Asli. Kekurangan kelas TABIKA ini menyebabkan ramai kanak-kanak Orang Asli tidak merasai alam pra sekolah dan akhirnya minat mereka terhadap pendidikan akan merosot. Fenomena ini akan meningkatkan keciciran pelajar Orang Asli di peringkat awal persekolahan. Taburan kelas TABIKA pelajar Orang Asli 2008 seperti di Jadual 1.

Jadual 1: *Kelas TABIKA Pelajar Orang Asli Mengikut Negeri 2018*

BIL	NEGERI	BIL. KAMPUNG	JUMLAH TABIKA	JUMLAH PELAJAR
1	Pahang	262	96	1,935
2	Perak/ Kedah	256	58	1,285
3	Kelantan/ Terengganu	121	26	691
4	Negeri Sembilan/ Melaka	82	28	512
5	Selangor/ W.P. Kuala Lumpur	74	33	657
6	Johor	58	38	549
JUMLAH		853	279	5,186

Sumber : Data Maklumat Asas JAKOA (2018)

Pelajar Sekolah Rendah

Jumlah enrolmen pelajar Orang Asli ke sekolah rendah dalam tempoh sembilan tahun kebelakangan ini menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan iaitu secara purata hampir 27,500 orang setahun. Pencapaian ini menunjukkan kesedaran, persepsi dan minat yang tinggi dikalangan ibu bapa dan pelajar Orang Asli amat positif dan telah berubah terhadap pendidikan jika dibandingkan dengan 20 tahun dahulu. Taburan enrolmen pelajar Orang Asli di sekolah rendah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : *Enrolmen Pelajar Orang Asli di Sekolah Rendah (2010-2018)*

Tahun	Lelaki	Perempuan	JUMLAH
2010	13,883	13,702	27,585
2011	13,204	13,064	26,268
2012	14,118	13,750	27,868
2013	14,107	13,829	27,936
2014	14,146	13,832	27,978
2015	14,228	13,851	28,079
2016	13,919	13,684	27,603
2017	13,604	13,308	26,912
2018	13,375	13,196	26,571

Sumber : Data Maklumat Asas JAKOA, (2018)

Manakala peratusan kadar keciciran pelajar Orang Asli yang menyambung pelajaran ke Tingkatan 1 selepas tamat Darjah 6 menurun kebelakangan ini. Perbandingan antara tahun menunjukkan pada tahun 2010 hampir 30% pelajar Orang Asli tidak menyambung pengajian mereka ke Tingkatan 1 berbanding dengan tahun 2018 hanya tinggal sekitar 19.81%. Kebanyakkan yang tercicir ini adalah mereka yang bersekolah dan tinggal di kawasan pedalaman semasa sekolah rendah. Faktor budaya dan kemiskinan juga turut mempengaruhi mereka untuk tidak menyambung pengajian ini (Juli Edo, 2012) . Perincian perangkaan tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 : *Data Keciciran Pelajar Orang Asli Dari Sekolah Rendah Ke Sekolah Menengah 2010 Sehingga Tahun 2018*

BILANGAN TAMAT DARJAH 6		BILANGAN DAFTAR TINGKATAN 1		BILANGAN CICIR MURID	PERATUS KECICIRAN (%)
TAHUN TAMAT	BILANGAN TAMAT	TAHUN DAFTAR	BILANGAN DAFTAR		
2010	4,271	2011	3,001	1270	29.74%
2011	4,091	2012	3,046	1045	25.54%
2012	4,705	2013	3,519	1186	25.21%
2013	4,464	2014	3,478	986	22.09%
2014	4,295	2015	3,444	851	19.81%
2015	4,488	2016	3,710	778	17.35%
2016	4,331	2017	3,515	816	18.84%
2017	3994	2018	3,315	679	19.81%

Sumber : Data Maklumat Asas JAKOA (2018).

Pelajar Sekolah Menengah

Kajian ini juga mendapati dalam tempoh sembilan tahun kebelakangan ini, jumlah enrolmen pelajar Orang Asli di sekolah menengah juga menunjukkan perkembangan yang positif dan memberansangkan. Pada tahun 2014 umpamanya, jumlah enrolmen pelajar Orang Asli di sekolah menengah melebihi 14,000 ribu orang berbanding 2010 hanya sekitar 11,314 orang pelajar. Taburan enrolmen pelajar Orang Asli di sekolah menengah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : *Enrolmen Pelajar Orang Asli di Sekolah Menengah (2010-2018)*

Tahun	Lelaki	Perempuan	JUMLAH
2010	5,191	6,123	11,314
2011	5,557	6,591	12,148
2012	5,103	6,238	11,341
2013	5,907	7,061	12,968
2014	5,956	7,273	13,229
2015	6,155	7,490	13,645
2016	6,316	7,732	14,048
2017	6,474	7,869	13,343
2018	5,824	7,331	13,155

Sumber : Data Maklumat Asas JAKOA (2018)

Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati peratusan pelajar Orang Asli yang gagal menamatkan pelajaran dari Tingkatan 1 hingga ke Tingkatan 5 masih lagi tinggi. Contohnya, pada tahun 2010 sebanyak 45.75%, menurun kepada 41.05% pada tahun 2014, dan hanya menjunam kepada 35.56% pada tahun 2018. Maklumat lengkap seperti dipaparkan di Jadual 5.

Menurut Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas, (2009) penempatan masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman memberi kesan kepada tahap perkembangan dan pencapaian pendidikan pelajar Orang Asli. Situasi ini menyebabkan pelajar Orang Asli sukar untuk menikmati pelbagai kemudahan untuk belajar dan ke sekolah seperti pengangkutan awam, perpustakaan, jalan raya dan alat komunikasi (Mohamad Johdi & Abdul Razak, 2009).

Jadual 5 : *Data Keciciran Pelajar Orang Asli Sekolah Menengah Dari Tahun 2010 Sehingga Tahun 2018*

BILANGAN DAFTAR TINGKATAN 1		TAMAT TINGKATAN 5		BILANGAN CICIR MURID	PERATUS KECICIRAN (%)
TAHUN DAFTAR	BILANGAN DAFTAR	TAHU N TAMAT	BILANGA N TAMAT		
2006	2,586	2010	1,403	1,183	45.75
2007	2,685	2011	1,667	1,018	37.91
2008	2,726	2012	1,555	1,171	42.96
2009	3,018	2013	1,533	1,485	49.20
2010	3,145	2014	1,854	1,291	41.05
2011	2,823	2015	1,821	1,002	35.49
2012	2,974	2016	1,956	1,050	35.31
2013	3,450	2017	1,997	1,453	42.12
2014	3,200	2018	2,062	1,138	35.56

Sumber : Data Maklumat Asas JAKOA (2018)

Pencapaian Peperiksaan

Kajian ini juga mendapati pencapaian pelajar Orang Asli dalam peperiksaan umum masih lagi kurang memuaskan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, jumlah pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang amatlah sedikit. Sorotan tujuh tahun pencapaian mereka dari tahun 2011 hingga 2017 mendapati, daripada jumlah keseluruhan calon yang menduduki peperiksaan, peratusan pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR (4A keatas) tidak lebih dari 3.4% (2013), PT3 (5A keatas) tidak lebih 5.2% (2016). Manakala SPM hanya 3.9% (2011). Namun, berlainan dengan keputusan cemerlang STPM (PNGK melebihi 2.8) menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dengan mencatatkan peratusan melebihi 43.1% (2016). Analisis ini dapat dilihat dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Analisis Keputusan Cemerlang Pelajar Orang Asli Dalam Peperiksaan Umum

Tahun	UPSR		PT3		SPM		STPM	
	Calon	Cemerlang (4AKeatas)	Calon	Cemerlang (5AKeatas)	Calon	Cemerlang (6Akeatas)	Calon	Cemerlang 2.8 PNGK
2011	4,036	48 (2.2%)	2,057	90 (4.9%)	1,263	42 (3.9%)	86	7 (8.5%)
2012	4,465	49 (2.3%)	2,114	58 (3.6%)	1,373	25 (2.2%)	121	21 (17.5%)
2013	4,464	71 (3.4%)	2,074	78 (4.8%)	1,354	39 (3.4%)	77	25 (32.9%)
2014	4,294	45 (2.1%)	2,191	35 (2.4%)	1,521	28 (2.7%)	53	18 (34.6%)
2015	4,226	67 (2.8%)	2,398	91 (4.4%)	1,420	33 (2.7%)	53	17 (32%)
2016	4,135	15 (0.7)	2,188	114 (5.2%)	1,573	29 (1.8 %)	58	25 (43.1%)
2017	4,345	24 (0.5)	2,750	76 (2.7)	1,817	26 (1.4%)	89	32 (36.6%)

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Bahagian PMK JAKOA (2018)

Institusi Pengajian Tinggi

Kajian ini juga mendapati kemasukan pelajar Orang Asli ke IPT dalam tempoh lapan tahun kebelakangan ini (2010 hingga 2017) turut memberangsangkan. Bermula dari tahun 2013 sehingga tahun 2017, jumlah kemasukan pelajar Orang Asli ke IPT melebihi 300 orang setahun. Pencapaian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Orang Asli juga mampu bersaing menempatkan diri mereka dengan masyarakat perdana yang lain di IPT tempatan. Manakala pencapaian positif pelajar Orang Asli turut terserah kebelakangan ini dimana jumlah yang menamatkan pengajian di IPT sejak tahun 2015 hingga 2017 turut melepasi 200 orang setahun. Perkembangan positif ini ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 : Enrolmen dan Tamat Pengajian Pelajar Orang Asli di IPTA 2010-2017)

Tahun	Kemasukan	Tamat Pengajian
2010	160	98
2011	216	110
2012	282	216
2013	382	157
2014	376	86
2015	354	296
2016	308	291
2017	323	220

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Asas JAKOA (2018)

Secara keseluruhannya, kajian juga mendapati jumlah kemasukan pelajar Orang Asli ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bermula dari awal tahun 1970-an sehingga akhir tahun 2017 adalah seramai 5,748 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut hanya seramai 2,323 (40.41%) orang pelajar yang berjaya menamatkan pelajaran dengan jayanya. Dari segi taburan pencapaian mengikut peringkat pengajian sehingga tahun 2016, hanya seramai empat orang sahaja yang telah berjaya memiliki Ijazah Kedoktoran (Ph,D), 24 orang di peringkat sarjana dan 912 orang di peringkat Ijazah Pertama. Pecahan terperinci seperti di Jadual 8.

Transformasi Pendidikan Orang Asli

Kesungguhan pihak kerajaan mengangkat martabat komuniti Orang Asli dalam bidang pendidikan untuk terus berdaya saing dan cemerlang terbukti dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) dengan pengenalan dua program baharu iaitu Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) dan Program Ijazah Luar Negara. Program secara inklusif ini memberi peluang keemasan kepada pelajar Orang Asli untuk menyambung pengajian mereka dalam satu persekitaran pembelajaran yang amat kondusif ke arah peningkatan sosioekonomi dan kualiti hidup yang lebih sejahtera di masa depan.

Jadual 8: *Perangkaan Pelajar Orang Asli Tamat Pengajian di IPTA dari tahun 1970 hingga 2016*

Peringkat Pengajian	Jumlah
Doktor Falsafah	4
Sarjana	24
Sarjana Muda	912
Diploma	650
Pra-Diploma	126
Sijil	340
Matrik / Asasi	47
JUMLAH	2103

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Asas JAKOA (2016)

Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA)

Pendedahan dan peluang merupakan elemen penting dalam memajukan sesebuah masyarakat luar bandar khususnya dalam bidang pendidikan. Justeru, Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) telah dibangunkan pada tahun 2011 di Rompin, Pahang. PIPOA dibangunkan bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar Orang Asli separa cemerlang (3A ke bawah) dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tinggal di asrama setelah mereka gagal mendapat tempat menyambung pembelajaran dalam tingkatan 1 di sekolah berasrama penuh (SBP). Berkonsepkan penyediaan perkhidmatan sokongan pendidikan, PIPOA merupakan sebuah asrama seratus peratus pelajar Orang Asli diperingkat menengah rendah sahaja (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3). Kouta seramai 40 orang pelajar Orang Asli (20 lelaki dan 20 perempuan) disediakan setiap tahun. Manakala sesi pembelajaran mereka pula ditempatkan di sekolah menengah terbaik iaitu Sekolah Menengah Rompin Permai dan Sekolah Menengah Sri Rompin Pahang.

Objektif utama penubuhan PIPOA adalah untuk melahirkan pelajar Orang Asli cemerlang dari segi akademik dan sahsiah diri selepas menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan dapat menempatkan kembali mereka ke asrama penuh apabila di tingkatan empat seperti di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Antara perkhidmatan yang disediakan termasuklah kemudahan asrama yang kondusif dan selesa, bantuan keperluan persekolahan seperti keperluan diri, pakaian, makanan, bantuan kewangan serta serta penyediaan program-program kecemerlangan akademik dan ko-kurikulum. Pengambilan pelajar perintis seramai 34 orang bagi kohort pertama telah bermula pada tahun 2012. Sehingga akhir 2018, seramai 223 pelajar Orang Asli telah diberi peluang tinggal di asrama PIPOA ini. Pecahan enrolmen pelajar Orang Asli yang tinggal di asrama PIPOA dari tahun 2012 sehingga tahun 2018 seperti di Jadual 9.

Jadual 9 : *Enrolmen Kemasukan Pelajar Orang Asli di PIPOA dari tahun 2012 sehingga tahun 2018*

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2012	15	19	34
2013	14	13	27
2014	16	18	34
2015	17	14	31
2016	17	16	33
2017	16	14	30
2018	12	17	29
Jumlah Besar	107	111	218

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Bahagian PMK JAKOA (2018)

Pencapaian Pelajar PIPOA dalam PT3

Jadual 10 : *Pencapaian Pelajar PIPOA dalam PT3 mengikut Kumpulan Kohort*

Keputusan PT3	Kohort / Tahun											
	Kohort Pertama 2012-2014	PC %	Kohort Kedua 2013-2015	PC %	Kohort Ketiga 2014-2016	PC %	Kohort Keempat 2015-2017	PC %	Kohort Kelima 2016-2018	PC %	Jumlah Besar	PC %
10 A	-		-		-		1		-		1	
9A	-		2		1		2		-		5	
8A	1		2		1		4		3		8	78
7A	-	11	4	24	4	21	2		4	13	10	57.4
6A	1		11		10		8		4		30	
5A	9	32.4	5	92.3	5	77.8	5	84.6	2	56.5	24	
4A	9		-		5		3		2		17	
3A	9		2		1		1		3		13	
2A	4		-		-		-		4		4	
1A	1		-		-		-		-		1	
JUMLAH BESAR	34/34	100%	26/26	100%	27/27	100%	26/26	100%	22/23	95.65%	135/136	99.26%

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Bahagian PMK JAKOA (2018)

Nota : PC Pelajar Cemerlang

Berdasarkan Jadual 10, Pencapaian Pelajar PIPOA dalam PT3 mengikut Kumpulan Kohort di atas, sebanyak lima kohort pelajar PIPOA telah menduduki PT3 dari tahun 2014 sehingga 2018. Kajian mendapati secara keseluruhan hampir semua calon PT3 PIPOA memperolehi sekurang-kurangnya 1A dalam PT3 kecuali satu (1) orang pelajar dalam kohort kelima 2016-2018). Manakala prestasi tertinggi kumpulan kohort pelajar yang mendapat keputusan cemerlang (5 A keatas) dalam PT3 dicatatkan pada kohort kedua (2013-2015) iaitu 92.3% (24/26) orang pelajar berbanding prestasi terendah 32.4% (11/34 orang pelajar) dalam kumpulan kohort yang pertama (2012-2014). Secara keseluruhan daripada 136 pelajar PIPOA yang telah menduduki PT3 (Kohort Pertama hingga Kohort Kelima) seramai 78 orang (57.4%) orang pelajar PIPOA telah berjaya memperolehi keputusan cemerlang (5A dan ke atas).

Lepasan PIPOA

Kecemerlangan pelajar lepasan PIPOA selepas menduduki PT3 telah berjaya menempatkan diri mereka ke SBP, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sekolah-sekolah yang lain. Daripada analisis dokumen yang dilakukan dari tahun 2014 sehingga tahun 2017, kebanyakan pelajar lepasan PIPOA menyambung pengajian mereka tingkatan empat mereka di MRSM (42 orang pelajar), Maktab Tentera Diraja dan Kolej Vokasional (10 orang pelajar). Pecahan terperinci lepasan PIPOA di Tingkatan empat seperti di Jadual 11.

Jadual 11 : Penempatan Sekolah Pelajar PIPOA di Tingkatan 4

Bil	Penempatan Sekolah	Bilangan Pelajar				Jumlah
		2014	2015	2016	2017	
1	Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)	15	14	7	6	42
2	Sekolah Berasrama Penuh (SBP)				1	1
3	Maktab Tentera DiRaja	1	3	2	4	10
4	Kolej Permata Pintar Negara		1			1
5	SM Teknik	1				1
6	Kolej Vokasional	6	2	1	1	10
7	Sekolah Harian	11	6	17	14	48
Jumlah Pelajar		34	26	27	26	113

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Bahagian PMK JAKOA (2018)

Keputusan SPM Pelajar Lepas PIPOA

Daripada analisis yang dilakukan, keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2016 dan 2017 pelajar lepasan PIPOA di sekolah asrama penuh di dapati amat memberansangkan. Terdapat pelajar yang memperolehi 8A (1 orang) pada tahun 2017, 6 A (3 orang) pada tahun 2016 dan 2017. Pecahan keputusan seperti di Jadual 12.

Jadual 12: Keputusan Peperiksaan SPM Bekas Pelajar PIPOA 2016 dan 2017

GRED SPM	Bil. Pelajar / Tahun		Jumlah
	2016	2017	
8 A		1	1
7A			
6A	3	3	6
5A	4	5	9
4A	9	7	16
3A	4	4	8
2A	4	2	6
1A	3	1	4
0A		2	2
Jumlah	27	25	52

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Bahagian PMK JAKOA (2018)

Pelajar PIPOA di IPT

Kewujudan PIPOA telah membuahkan hasil yang amat memberansangkan dan menepati matlamat iaitu untuk menempatkan lepasan pelajar ke peringkat pengajian tertiar. Berdasarkan keputusan SPM 2016 dan 2017, seramai 30 pelajar alumni PIPOA telah berjaya menjejaskan kaki mereka ke IPTA dalam pelbagai bidang pengajian seperti perakuman, pengurusan ladang, perkhidmatan makanan, sains pertanian, kejuruteraan dan pelbagai. Selain itu, terdapat juga pelajar yang menyambung pengajian mereka di pelbagai institusi seperti yang tertera di Jadual 13.

Jadual 13 : Taburan Lulusan Pelajar PIPOA di IPT

GRED SPM	Lulusan SPM		Jumlah
	2016	2017	
IPTA	18	12	30
IPTS	2		2
IPGM	1	2	3
Matrikulasi	3	1	4
Kolej Vokasional	3	1	4
Politeknik	2	2	4
Tingkatan 6		2	2
Jumlah	29/34	20/26	49/60

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Bahagian PMK JAKOA (2018)

Program Ijazah Luar Negara (PILN).

Pencapaian cemerlang pelajar Orang Asli juga telah dibuktikan hingga ke peringkat antarabangsa melalui Program Ijazah Luar Negara (PILN). PILN telah bermula pada 2010 dan merupakan inisiatif kerjasama sinergi *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* pihak JAKOA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW) dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Program ini diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan tahap pencapaian pendidikan masyarakat Orang Asli menyambung pengajian ke peringkat tertinggi mereka di luar Negara di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam pelbagai bidang pengajian termasuk perubatan, kejuruteraan, perbankan, pertanian dan bahasa Inggeris.

Sejak pelaksanaannya pada tahun 2010 sehingga 2017, seramai 87 orang pelajar cemerlang Orang Asli telah mendapat peluang menyambung pengajian mereka di 10 buah negara iaitu Ireland (1 orang), United Kingdom (46 orang), Republik Czeck (10 orang), Rusia (2 orang), India (3 orang), Indonesia (2 orang), Korea Selatan (4 orang), Kanada (1 orang), Amerika Syarikat (5 orang) dan Australia (22 orang). Pecahan detail mengikut tahun dan program pengajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 12.

Jadual 12 : Pelajar Orang Asli Menyambung Pengajian di Luar Negara Mengikut Bidang Pengajian dan Tahun

Program Pengajian	Tahun								Jumlah
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	
Doktor Falsafah	0	0	1	1	0	0	3	1	6
Sarjana	0	1	0	5	9	4	7	8	34
Sarjana Muda	1	3	6	8	5	10	8	6	47
JUMLAH	1	4	7	14	14	14	18	15	87

Sumber : Diolah dari Data Maklumat Asas JAKOA (2018)

Kesimpulan

Pembangunan pendidikan komuniti Orang Asli dewasa memberi petunjuk yang amat positif dan semakin hampir menyamai dengan kemampuan pelajar dari kumpulan etnik lain di negara ini. Pencapaian ini memberi isyarat yang jelas bahawa pelajar Orang Asli mampu bersaing dan berjaya jika diberi peluang dan ruang kepada mereka. Selain itu sikap keterbukaan dan persepsi positif dalam kalangan ibu bapa dan pelajar telah membuktikan pelajar Orang Asli semakin ramai menempatkan diri di pusat pengajian terbaik di negara malah turut melebarkan sayap ke luar negara. Pencapaian mereka yang memberansangkan dalam pendidikan ini telah berjaya mengangkat martabat dan kualiti hidup dengan lahir ramai dalam kalangan mereka yang memiliki pekerjaan dan kehidupan yang baik. Kejayaan ini membuktikan kerjasama sinergi yang amat baik dalam kalangan pemegang taruh seperti pelbagai pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), para penyelidik dan ibu bapa komuniti Orang Asli.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (2009) Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Bangi: Penerbit UKM. Hlm 47-58. ISBN 978-967-5048-72-2.
- Azlina Mohd Khir dan Ma'rof Redzuan. (2013). Atribusi kemiskinan dalam kalangan pelajar Orang Asli di Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013*, Penang, Malaysia.
- Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman & Siti Hajar Idris. (2012). Transformasi modal insan melalui peningkatan pendidikan: Kajian kes komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. *Prosiding PERKEM VII, Jilid 2, (pp. 1215-1224)*
- Hasan Mat Nor (ed.). (1998). Warga peribumi menghadapi cabaran pembangunan. Dalam Kertas Kadangkala Bil. 8, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2003). *Data Maklumat Asas*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011a). *Laporan Tahunan JAKOA*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011b). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (2011-2015)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2012). *Laporan Tahunan JAKOA*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2013). *Laporan Tahunan JAKOA*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2014). *Laporan Tahunan JAKOA*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2015). *Laporan Tahunan JAKOA*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016a). *Data Maklumat Asas Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016b). *Laporan Tahunan JAKOA*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016c). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (2016-2020)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2017). *Laporan Tahunan JAKOA*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2018). *Data Maklumat Asas Bahagian Pembangunan Modal insan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.

- Juli Edo. (2012). Pendidikan Orang Asli: Harapan dan Peluang. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (pnyt.) *Pendidikandan Orang Asli dalam Arus Perdana*, hlm. 31-40. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2012). *Surat Siaran - pelaksanaan kelas dewasa ibu bapa orang asli dan penan (KEDAP) tahun 2012*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Ma'rof Redzuan. (2010). Pembangunan dan Kemunduran Komuniti Peribumi: Kes kemiskinan dalam komuniti Orang Asli. Dalam Laily Paim dan Sharifah Azizah Haron (pnyt.) *Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental & Paparan Realiti*, hlm. 96-131. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak Abd Rahman. (2008). Integrasi Orang Asli dalam masyarakat arus perdana. Dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S.Gill (pnyt.) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*, hlm. 252-283. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas Keciciran Pelajar Orang Asli Malaysia : Satu Tinjauan ke dalam Isu Aksesibiliti Sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 (2), 189-198
- Mohamad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad, sunt . (2009). Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli. Bangi : Penerbit UKM.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohd Fauzi Sukimi, Mohd Nasaruddin Mohd Nor. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. Geografia Nline TM Malaysian : *Journal of Society and Space* 14 issue 1 (72-86)
- Mohd Nur Syufaat Jamiran dan Seow Ta Wee. (2013). *Kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi Orang Asli*. Dlm. Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke 4, 5-6 Mac 2013. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. (Unpublished)
- Mohd Fauzi Mohd Harun, NorAini Hj. Idris, Madeline Berma dan Faridah Shahadan. (2006). Kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 40, hlm. 95-101.
- Mustaffa Omar, Hood Salleh, N.Z. Fatanah. (2012). Memperkasa Pendidikan dan Pedagogi dalam Pendidikan Orang Asli. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (pnyt.) *Pendidikandan Orang Asli dalam Arus Perdana*, hlm. 35-40. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

- Norwaliza Abdul Wahab, Ramlee Mustapha, Jasmi Abu Talib. (2016). Membangun modal insan: Kajian peranan dan penentu matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang. *Geografia Online TM Malaysian : Journal of Society and Space* 12 issue (1-10)
- Ramle Abdullah & Faridah Mat. (2012). Potensi Pendidikan Pelajar Orang Asli di Kelantan dan Terengganu: Perspektif JAKOA. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (pnyt.) *Pendidikandan Orang Asli dalam Arus Perdana*, hlm. 77-91. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ramle Abdullah, Wan Hasmah Wan Mamat, W. A. Amir Zal, & Asmawi Mohamad Ibrahim. (2013). Teaching and learning problems of the Orang Asli education: students perspective. *Asian Social Science*, 9 (12), 118-124.
- Sharifah Md Nor, Samsilah Roslan, Aminuddin Mohamed, Kamaruddin Abu Hassan, Mohamad Azhar Mat Ali, & J. A. (2011). Dropout Prevention Initiatives for Malaysian Indigenous Orang Asli. *The International Journal on School Disaffection*, 42-56.
- Seow Ta Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat Jamiran, Zainal Zulhilmi Zainal Abidin, Siti Aminah Mohd Sam, & Shalini Sanmargaraja. (2013) Orang Asli dan persekitarannya: Kajian Kes di Kampung Peta. Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu di Pekanbaru, Provinsi Riau 06-07 Mei 2013.
- Seow Ta Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat Jamiran, Zainal Zulhilmi Zainal Abidin, Siti Aminah Mohd Sam, & Shalini Sanmargaraja. (2015). Kajian awalan terhadap persekitaran masyarakat Orang Asli Jakun di Kampung Peta. *Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu*, (pp. 327- 336).
- Suhaimi Safari. (2012). Kemajuan Pembangunan Pendidikan Pelajar Orang Asli dan Program-program Sokongan Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (pnyt.) *Pendidikandan Orang Asli dalam Arus Perdana*, hlm. 59-75. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2010). Laporan status hak pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Kuala Lumpur: SUHAKAM.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharudin Ahmad & Noraziah Ali. 2014. Faktor Budaya dan Persekitaran dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli Malaysia : Kajian Kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 Issue 5 (107-122)
- Zainal Abidin Hj. Ali. (2008). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam pembangunan masyarakat Orang Asli. Dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S.Gill (pnyt.) *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*, hlm 1-24. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Hj. Ali. (2012). Penilaian Terhadap Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli 2000-2010. Dalam Ramle Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (pnyt.) *Pendidikandan Orang Asli dalam Arus Perdana*, hlm. 43-58. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.